

NO. SOALAN: 37

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN N. SURENDRAN [PADANG SERAI]

TARIKH : 14 NOVEMBER 2016

RUJUKAN : 9380

SOALAN:

Tuan N. Surendran [Padang Serai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes *tuberculosis* dalam kalangan banduan-banduan penjara dan kakitangan penjara di seluruh Malaysia, dinyatakan secara berasingan, bagi tahun 2010 hingga 2016.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bedasarkan statistik Jabatan Penjara sehingga 31 Oktober 2016 didapati seramai 36 kakitangan penjara serta 499 banduan telah menjalani rawatan kerana disahkan menghidap *tuberculosis*.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, sebagai langkah pencegahan, kawalan dan rawatan *tuberculosis*, beberapa tindakan telah diambil oleh Jabatan Penjara seperti berikut:

- (i) melaksanakan saringan *symptomatic* terhadap semua banduan berdasarkan *Garispanduan Saringan Tuberculosis* yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan bersama Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Penjara;
- (ii) banduan yang dikesan mempunyai simptom *tuberculosis* akan dibuat pengasingan untuk ujian pengesahan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan iaitu di hospital atau klinik di luar penjara;
- (iii) rawatan lanjut dan berkala diberikan kepada banduan yang disahkan menghidapi *tuberculosis* dan banduan berkaitan ditempatkan secara berasingan dari banduan lain dan dikehendaki menjalani rawatan susulan sehingga sembuh;

- (iv) Jabatan Penjara juga telah mengeluarkan *SOP (Standard Operating Procedure)* berhubung pencegahan dan kawalan penyakit berjangkit termasuk penyakit *tuberculosis*; dan**
- (v) pendidikan kesihatan serta kaedah kawalan dan pencegahan jangkitan *tuberculosis* juga telah diberikan kepada kakitangan serta menggalakkan kakitangan menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala.**